

Senibina Melayu Di Negeri Sembilan-  
Minangkabau Dulu & Kini

PTAR

Ribuan Terima kasih kepada pihak-pihak berikut diatas kerjasama mereka memberi maklumat dan tunjuk ajar serta daya usaha mereka secara langsung ataupun sebaliknya sehingga terlaksananya lapuran penyelidikan saya ini.

- \* Kakitangan Perpustakaan Tun Abdul Razak ITM.
- \* Kakitangan Perpustakaan Muzium Negara
- \* Unit Penyelidikan Muzium Negara
- \* Persatuan Sejarah Negeri Sembilan
- \* Perpustakaan Negara
- \* Perpustakaan Negeri, Negeri Sembilan
- \* Jabatan Kerjaraya, Negeri Sembilan
- \* Penerangan dari pihak individu-individu yang mana kerjasama tuan/puan tetap saya kenang.
- \* Encik Abdul Ghani Desa, Penasihat dan Pensyarah (History of Architecture)
- \* Uda yang banyak menolong juga memberi perangsang.

Hanya Allah sahaja yang dapat membalas jasa sekalian.

|           |   |     |
|-----------|---|-----|
|           | Penghargaan   |     |
|           | Pendahuluan   |     |
|           | Kandungan   |     |
| <b>i</b>  |   |     |
| <b>1</b>  | Pengenalan Senibina Menerusi Cara Hidup                                     | 1   |
| <b>2</b>  | Rumpun Senibina Melayu<br>Persamaan/Perbezaan                               | 16  |
| <b>3</b>  | Struktur Rumah Melayu Dan Bahagian-Bahagian<br>Binaannya.                   | 28  |
| <b>4</b>  | Tukang Rumah Melayu   | 47  |
| <b>5</b>  | Keahlian Tukang-Tukang Melayu Dalam Bidang<br>Senibina.                     | 52  |
| <b>6</b>  | Alat Pertukangan  | 56  |
| <b>7</b>  | Ukiran Kayu   | 68  |
| <b>8</b>  | Senibina Moden - Koleksi Gambarfoto   | 76  |
| <b>9</b>  | Asal-Usul Kedatangan Orang-Orang Minangkabau<br>ke Negeri Sembilan          | 95  |
| <b>10</b> | Asal-Usul dan Kedatangan Raja-Raja<br>Negeri Sembilan                       | 101 |
| <b>11</b> | Corak Pentadbiran diNegeri Sembilan<br>Berdasarkan Adat Perpatih            | 110 |
| <b>12</b> | Nama-Nama Suku dan Beberapa Hal Mengenai<br>Adat-Istiadat diNegeri Sembilan | 120 |
| <b>iv</b> | Koleksi Rujukan   |     |



## PENGENALAN SENIBINA MENERUSI CARA HIDUP

Apa jua definasi dan penerangan mengenai istilah Senibina, ciptaannya ada berkaitan terus dengan manusia, mahluk yang amat kompleks yang mempunyai kepercayaan, kemahuan, perasaan, sikap, nilai dan sebagainya. Manusia juga hidup bermasyarakat, serta menganuti cara hidup dan kebudayaan yang khusus yang berbeza-beza diantara satu kelompok tertentu dengan yang lain atau dari satu masyarakat tertentu dengan masyarakat yang lain dan cara hidup ini berubah samada disedari atau tidak dari masa ke-  
semasa kerana perubahan alam fikiran dan perasaan yang digerakkan oleh perubahan pengalaman.

Cara hidup adalah cara berlaku dan cara berbuat di-  
dalam penghidupan yang diantara lain ada kaitan dengan tempat tinggal, bangunan dan Senibina dan perlu dinyatakan cara hidup yang dimaksudkan ini ada lah dari kaca mata orang biasa dan bukan dari pandangan mendalam ahli-ahli ilmu kemasyarakatan. Didalam konteks ini juga perbincangan ditumpukan kepada tempat tinggal atau rumah kediaman yang ada pergandingan rapat dengan hidup manusia seharian

bermula dari zaman belum adanya pengaruh barat hinggalah sekarang dan perbincangan terbatas kepada masyarakat terbesar di Semenanjung Malaysia iaitu masyarakat Melayu.

Masyarakat melayu sebelum memeluk ugama Islam menganuti kepercayaan animisma yang diantaranya memuja hantu, semangat atau penunggu. Mereka percaya yang hidup mereka ditentukan oleh kuasa ghaib ini dan semua kejadian alam seperti sungai, laut, busut, bukit, pokok-pokok dan sebagainya ada penunggunya. Menentang atau mengganggu kuasa ghaib ini dipercayai boleh mengakibatkan sakit pening, kesusahan dan sebagainya. Atas kepercayaan inilah biasanya orang Melayu zaman dahulu mendapatkan pertolongan pawang untuk menentukan kedudukan serta orientasi rumah-rumah mereka dan mendirikan rumah-rumah mereka dilidah tanah, dilaluan alur, diatas busut, bekas perigi buta adalah ditegah kerana ditakuti tempat kediaman atau kelintasan hantu. Sungguh pun kedatangan Islam telah mengubah pemikiran orang-orang Melayu tetapi kepercayaan berbentuk animisma ini tidak dapat dikikis habis-habisan dan masih ujud dikalangan sebilangan orang Melayu. Hala rumah sering ditentukan oleh pawang. Rumah yang didepannya mengadap arah timur atau matahari naik pula dipercayai boleh mencerahkan rezeki penghuninya. Dengan mengadap kearah timur juga, bahagian serambi yang terletak dihadapan akan terlingung dari haba matahari diwaktu petang dan sesuaiilah untuk berihat dan menyambut tetamu. Rumah-rumah orang Melayu sekarang boleh dikatakan kesemuanya mengadap jalanraya dimana ianya didapati.